

Malaysia, Iran tubuh suruhanjaya bersama

4 perjanjian ditandatangani sempena lawatan Ahmadinejad

BH: 3/3/2006

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Malaysia dan Iran menubuhkan suruhanjaya bersama bagi memantau pelaksanaan projek usaha sama dua negara dalam pelbagai bidang strategik merangkumi pembangunan prasarana serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), termasuk bioteknologi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Iran, Dr Mahmoud Ahmadinejad sepakat mahu memastikan semua keputusan yang dicapai dalam mesyuarat delegasi dua negara di sini, semalam dapat dilaksanakan serta memberi manfaat.

Abdullah berkata, mesyuarat dua hala itu antara lain mengenal pasti beberapa bidang kerjasama yang dapat diteroka Kuala Lumpur-Teheran serta mampu memberi manfaat kepada dua negara.

"Mesyuarat dua hala amat berjaya di mana kita mengenal pasti beberapa bidang kerjasama terutama dalam pembangunan infrastruktur, perumahan, landasan kereta api dan projek pembinaan lain.

"Kerjasama lain yang dikenal pasti

termasuk membabitkan universiti, pelancongan, ICT terutama bioteknologi," katanya pada sidang media bersama Dr Ahmadinejad selepas berakhirnya mesyuarat delegasi Malaysia-Iran di Pejabat Perdana Menteri, di sini.

Pada mesyuarat itu, empat perjanjian merangkumi kerjasama dalam pembangunan sektor koperasi, pembinaan, pembangunan bandar, eksport dan import serta perjanjian kemudahan insurans semula, ditandatangani dua negara.

“ Mesyuarat dua hala antara lain mengenal pasti bidang kerjasama yang dapat diteroka Kuala Lumpur-Teheran serta mampu memberi manfaat kepada dua negara”

Abdulah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Dr Ahmadinejad yang tiba di sini kelmarin untuk lawatan tiga hari ke negara ini bagi meningkatkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Kenyataan Kementerian Luar sebelum ini menyatakan, selain bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa, Dr Ahmadinejad dijangka menyampaikan taklimat kepada Abdullah berhubung program nuklear Iran.

Abdullah berkata, Kuala Lumpur dan Teheran masing-masing berha-

rap semua yang diputuskan dalam mesyuarat delegasi dapat menjadi kenyataan.

"Suruhanjaya bersama Malaysia-Iran akan memastikan ada su-sulan (daripada keputusan yang di-capai). Saya percaya mesyuarat ini suatu pencapaian yang dapat memajukan hubungan dua negara serta membawa faedah," katanya.

Sementara itu, Dr Ahmadinejad berkata, Malaysia dan Iran mencapai kata sepakat dalam pelbagai perkara terutama projek pembangunan rumah dan pengangkutan.

"Kita juga berbincang mengenai isu kerjasama saintifik dan pengangkutan," katanya sambil menambah daripada aspek politik, Malaysia dan Iran juga sepakat terus berusaha mencapai keamanan sejagat berte-raskan konsep keadilan.

Dr Ahmadinejad berkata, beliau mengundang Abdullah melawat Iran dan meninjau projek kerjasama dua negara yang dilaksanakan.

"Kita juga bersetuju suruhanjaya bersama dua negara akan memastikan projek baru yang dibangunkan melalui kerjasama dua negara akan siap ketika Abdullah berkunjung ke Iran nanti," katanya.

FAKTA NOMBOR

RM570j

Eksport minyak sawit Malaysia ke Iran pada 2005

RM2.296b

Nilai dagangan dua hala Malaysia, Iran pada 2004